


16 - 31 OKTOBER, 2022

PENANG 2030

# BULETIN MUTIARA

PERCUMA

BERSATU DAN SETIA

www.buletinmutiara.com | buletinmutiara | ChowKonYeow | chowkonyeow | @ChowKonYeow

# Rangkaian 5G

## Pulau Pinang, negeri pertama wilayah utara



'PEPPER', robot berkualiti tinggi yang dibawa khas bersempena pelancaran rangkaian 5G di negeri ini.

Oleh : **AINUL WARDAH SOHILLI**
Gambar : **ADLEENA RAHAYU AHMAD RADZI**

**GEORGE TOWN** - Rangkaian 5G kini tersedia di Pulau Pinang sekali gus memberi nilai tambah dan nilai komersial bermutu tinggi dalam memacu peningkatan ekonomi digital negeri.

Ketua Menteri, Y.A.B Tuan Chow Kon Yeow berkata bahawa Pulau Pinang menjadi negeri pertama di wilayah utara yang mempunyai rangkaian spektrum 5G.

"Pembangunan infrastruktur jaringan komunikasi 5G kini merupakan penggerak utama pertumbuhan ekonomi terutamanya dalam sektor perindustrian dan perkhidmatan di seluruh dunia.

"Di Pulau Pinang, Kerajaan Negeri amat komited untuk menambah baik infrastruktur telekomunikasi melalui Pelan Induk Kesalinghubungan Pulau Pinang (PCMP) bersama-sama sembilan syarikat telekomunikasi tempatan bagi memastikan pembangunan infrastruktur telekomunikasi yang lebih teratur.




**KETUA Menteri dan Jagdeep Singh Deo (dua dari kanan) bersama-sama dif-dif jemputan menunjukkan simbol rangkaian 5G pada Majlis Pelancaran Rangkaian 5G di Negeri Pulau Pinang dekat sini baru-baru ini.**

"(Dan) dalam usaha menyediakan kemudahan telekomunikasi bertaraf dunia, satu ekosistem digital komprehensif bakal dibangunkan melalui Pelan Induk Transformasi Digital (DTMP) bagi memastikan sasaran pendigitalan ke arah masyarakat yang kreatif, berdaya saing serta ketersambungan," ujarnya pada Majlis Pelancaran Rangkaian 5G di Pulau Pinang dekat sini 9 September 2022.

Menurut Kon Yeow, sebanyak 151 lokasi di bahagian pulau telah dikenal pasti di bawah Pelan Pelaksanaan 5G di Negeri Pulau Pinang Fasa 1 yang mana 58 lokasi adalah struktur telekomunikasi 5G yang baharu dan baki 93 lagi adalah struktur sedia ada yang dinaik taraf ke spektrum 5G.

"Di Seberang Perai, sebanyak 235 lokasi bertaraf 5G bakal dibangunkan pada awal tahun 2023 (melalui Pelan Pelaksanaan 5G di Negeri Pulau Pinang Fasa 2) yang mana tambahan sebanyak 77 struktur di bahagian pulau dengan memfokuskan daerah Timur Laut," jelasnya.

Sebagai rekod, Pulau Pinang merupakan antara enam negeri di Malaysia yang dipilih untuk melaksanakan Projek Demonstrasi 5G dengan anggaran kos berjumlah RM23.2 juta melibatkan tujuh syarikat telekomunikasi tempatan.

Susulan itu, Jawatankuasa Pasukan Petugas Khas 5G ditubuhkan bagi memastikan penyediaan perkhidmatan telekomunikasi terutama ketersambungan rangkaian 5G yang lebih pantas.

Dalam pada itu, pada majlis sama, Kon Yeow turut mengambil kesempatan menzahirkan penghargaan kepada Exco Infrastruktur dan Pengangkutan, Zairil Khir Johari; Exco Perumahan, Kerajaan Tempatan dan Perancangan Bandar & Desa, Jagdeep Singh Deo serta rakan-rakan strategik yang berjaya merealisasikan pelaksanaan 5G di negeri ini.

*(Sambungan di muka 2).*

# PIA kini dilengkapi rangkaian 5G




**ZAIRIL Khir Johari (dua dari kanan) berinteraksi dengan *'Pepper'*, robot berteknologi tinggi sejurus pelancaran rangkaian 5G di PIA dekat sini baru-baru ini.**

**BAYAN LEPAS -** Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang (PIA) kini dilengkapi dengan kemudahan rangkaian 5G.

Exco Infrastruktur dan Pengangkutan, Zairil Khir Johari berkata bahawa kemudahan rangkaian 5G bakal memberi nilai tambah kepada pengguna dan nilai komersial yang memacu pertumbuhan ekonomi digital di negeri ini.

"Rangkaian teknologi 5G yang amat dinanti-nantikan telah tiba di Pulau Pinang dan terima kasih kepada Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM); YTL Communication Sdn. Bhd. (YTL) serta Digital Nasional Berhad (DNB).

"Ini adalah hasil usaha dan inisiatif bersama dengan Kerajaan Negeri melalui Bahagian Kerajaan Tempatan (BKT), Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri dengan pelbagai pihak termasuk pihak swasta khususnya syarikat penyedia telekomunikasi.

"Teknologi 5G ini amat pantas dan apabila kita bercakap mengenai digitalisasi, kepantasan adalah amat mustahak, Kerajaan Negeri sentiasa memastikan bukan sahaja liputan meluas tetapi ketersambungan rangkaian yang lebih laju," ujarnya kepada pemberita sejurus hadir merasmikan Majlis Pelancaran Rangkaian 5G Pulau Pinang dekat sini pada 11 September 2022.

Mengulas lanjut, Zairil memaklumkan bahawa sebagai permulaan Kerajaan Negeri memberi keutamaan liputan rangkaian 5G di tiga lokasi iaitu di PIA, Wisma Yeap Chor Ee dan Pusat Konvensyen Setia SPICE.

"Kita (Kerajaan Negeri) berharap dengan pelancaran rangkaian 5G di Pulau Pinang ini akan menarik lebih pelabur untuk terus melabur di negeri ini.

"(Dan) melalui pelaksanaan Fasa 1 ini, sebanyak 151 tapak dikenal pasti bagi memancarkan spektrum 5G di bahagian pulau.

"Manakala, bagi tahun hadapan (2023) melalui Pelan Pelaksanaan 5G di Negeri Pulau Pinang (Fasa 2), sebanyak 235 tapak telah dikenal pasti.

"Kawasan yang dikenal pasti ini adalah kawasan mempunyai kepadatan penduduk serta menjadi tumpuan pelancong termasuk pejabat pentadbiran kerajaan dan kawasan perindustrian," jelasnya.

*(Sambungan dari muka 1).*

## Pacu peningkatan ekonomi digital

"Terima kasih kepada Digital Nasional Berhad (DNB) yang bekerjasama erat dalam memastikan pelaksanaan jalur lebar 5G di negeri ini lancar.

"(Dan) kepada YTL Communications Sdn. Bhd. (YTL) selaku peneraju dan pengendali telekomunikasi perkhidmatan 5G kerana menyediakan Pelan 'YES 5G For All' dengan menawarkan kapasiti kelajuan mencecah 120Mbps.

"Saya yakin, pelan ini menjadi perintis dan rujukan kepada semua Pengendali Rangkaian Mudah Alih (*Mobile Network Operator*, MNO) yang berintegrasi dengan rangkaian untuk liputan 5G kelak.

"Saya berharap Pulau Pinang terus maju dalam penyediaan infrastruktur komunikasi 5G yang efisien bagi memastikan seluruh rakyat di negeri ini menikmati capaian internet bertaraf gigabit selaras dengan Visi Penang2030: Negeri Pintar dan Hijau Berteraskan Keluarga Inspirasi Negara," katanya.

Berdasarkan statistik liputan telekomunikasi daripada Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM), pada suku pertama tahun 2022, Pulau Pinang merekodkan kadar penembusan jalur lebar mudah alih bagi setiap 100 penduduk adalah sebanyak 152.6 peratus, melebihi kadar nasional 124.1 peratus.

Manakala, bagi kadar penembusan jalur lebar tetap (berwayar) adalah sebanyak 51.2 peratus melebihi kadar penembusan nasional iaitu 41.9 peratus.

Sementara itu, Ketua Pegawai Eksekutif YTL Communications (YTL), Wing K. Lee ketika melakukan pembentangan memaklumkan bahawa syarikat telekomunikasi itu kini memberi liputan ke seluruh negara pada kadar 92 peratus.

"Perkhidmatan 5G adalah pemangkin masa depan negara dan sasaran YES (jenama perkhidmatan rangkaian telekomunikasi ditawarkan oleh YTL) adalah untuk meluaskan inovasi serta perkhidmatan teknologi komunikasi kepada semua.

"(Dan) syarikat kami menjadi syarikat pertama yang melancarkan rangkaian 5G sehingga kelajuan mencecah 620Mbps (berdasarkan sumber DNB).

"Matlamat kami adalah untuk menyediakan perkhidmatan yang bukan sahaja mudah diakses tetapi juga mampu milik pada kadar serendah RM58 sebulan untuk pelan 5G4G," jelasnya.

Pengarah SKMM Negeri Pulau Pinang, Rahmat Abu Nong dan Ketua Pegawai Hal Ehwal Korporat DNB, Zuraida Jamaluddin antara kenamaan yang turut hadir pada majlis tersebut.




Oleh: **AZMI HUSSIN**

# Akademi E-Sports rangka pembangunan sukan elektronik

Oleh : **WATAWA NATAF ZULKIFLI**
Gambar : **LAW SUUN TING**

**GEORGE TOWN –** Kerajaan Negeri memperuntukkan RM200,000 bagi mewujudkan sebuah akademi sukan elektronik atau *e-Sports* dalam merangka pembangunan sukan baharu tersebut.

Terletak di tingkat tiga, bangunan Komtar, akademi pertama yang diwujudkan di negeri ini bakal diuruskan oleh Majlis Sukan Negeri Pulau Pinang (MSNPP).

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow berkata bahawa akademi tersebut dilengkapi dengan 12 unit komputer, *Playstation* (5) berserta kemudahan-kemudahan berkaitan sukan terbabit.

"Akademi ini akan berfungsi sebagai lokasi melatih penggiat-penggiat sukan *e-Sports* dalam bidang ini terutamanya generasi muda.

"Dengan ini, kita akan bekerjasama dengan pihak-pihak berkepentingan lain seperti *Digital Penang*, Perbadanan Pembangunan Belia Pulau Pinang (PYDC) dan Persatuan E-Sports Pulau Pinang untuk mencungkil bakat-bakat baharu dalam sukan moden ini," ujarnya ketika merasmikan Akademi E-Sports Pulau Pinang di sini 27 Ogos lalu.

Hadir sama, Exco Belia dan Sukan, Soon Lip Chee; Setiausaha Politik kepada Ketua Menteri, Teh Lai Heng; Pengarah MSNPP, Harry Chai Heng Hua; Pengurus Besar PYDC, Dr. Gwee Sai Ling dan Presiden Persatuan E-Sports Pulau Pinang, Mohamad Khir Md. Noor.

Selain itu, Kon Yeow berharap agar, pembukaan akademi tersebut juga mampu mengubah persepsi negatif umum terhadap bidang terbabit.

"Saya turut berharap akademi ini mampu melahirkan bakat-bakat baharu untuk diketengahkan dan seterusnya mengharumkan nama negeri serta negara," jelasnya merangkap Exco Pembangunan Tanah & Ekonomi dan Komunikasi.



**KETUA Menteri, barisan kepimpinan Kerajaan Negeri dan wakil-wakil berkaitan merakam gambar kenangan di hadapan Akademi E-Sports Pulau Pinang seusai majlis pelancarannya di sini baru-baru ini.**

Heng Hua dalam kenyataannya kepada Buletin Mutiara memberitahu bahawa akademi tersebut dibuka pada setiap hari Rabu hingga Ahad dari jam 1 petang sehingga 9 malam.

"Ia terbuka kepada umum serta barisan atlet negeri, dan tempahan boleh dibuat menerusi *https://msnpp.penang.gov.my/index.php/ms/*," katanya.

## Kerajaan Negeri lulus RM320,000 naik taraf parit monsun Jalan Kemuning



**SOON Lip Chee (kiri sekali) dan wakil-wakil berkaitan menunjukkan struktur konkrit yang bakal dipasang di sepanjang dinding parit monsun Jalan Kemuning di sini.**

**BAGAN JERMAL –** Kerajaan Negeri melalui Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) meluluskan peruntukan khas berjumlah RM320,000 bagi menaik taraf parit monsun dekat Jalan Kemuning di sini.

Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Bagan Jermal yang juga Exco Belia dan Sukan, Soon Lip Chee berkata bahawa kerja-kerja menaik taraf adalah membabitkan pembinaan dinding konkrit di sepanjang parit monsun tersebut.

"Pemasangan konkrit pada dinding parit monsun adalah melibatkan kelebaran 5 meter (m) atau 16.5 kaki persegi dengan kedalaman sehingga 7 kaki persegi manakala jaraknya pula sejauh 500 kaki persegi.

"Tujuan penaiktarafan ini adalah untuk mengelakkan berlakunya hakisan tanah semasa hujan lebat selain mengelakkan dinding di tapak parit monsun terhakis," katanya pada sidang media berkaitan kerja-kerja menaik taraf parit monsun dekat Jalan Kemuning di sini 23 Ogos lalu.

Turut hadir, Ahli Majlis bagi MBSP, Ng Yee Siang; Pengerusi Pertubuhan Perayaan Phor Thor Jalan Mohd. Saad, Tan Hai Quan serta ahli-ahli jawatankuasa pertubuhan berkaitan.

## *'Go Cashless'*, komited wujud masyarakat celik digital

**KEBUN BUNGA -** Kerajaan Negeri komited untuk terus menggalakkan pembayaran tanpa tunai dalam kalangan penduduk negeri ini, sekaligus mewujudkan masyarakat celik digital.

Menurut Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow, usaha mendidik penggunaan bayaran tanpa tunai bukan suatu perkara baharu.

"Ini jelas terbukti apabila transaksi tanpa tunai berkembang dengan ketara sebanyak RM50.5 bilion pada tahun 2021, berbanding RM29.6 bilion pada tahun 2020.

"Kita di Pulau Pinang sendiri telah melaksanakan program-program Inisiatif Tanpa Tunai sejak tahun 2020.

"Malah Jawatankuasa Pemandu Inisiatif Tanpa Tunai juga telah ditubuhkan di peringkat negeri bagi memantau secara berkala pencapaian prestasi pembayaran tanpa tunai melibatkan semua jabatan dan agensi negeri," ujarnya bersempena Karnival Go Cashless Perumahan Awam Kos Rendah (PAKR) di Dewan Padang Tembak Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) dekat sini 28 Ogos lalu.

Turut hadir, Exco Perumahan, Kerajaan Tempatan & Perancangan Bandar dan Desa, Jagdeep Singh Deo; Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Kebun Bunga, Jason Ong Khan Lee; Ahli Parlimen Bukit Bendera, Wong Hon Wai; Pengurus Besar Lembaga Perumahan Negeri Pulau Pinang (LPNPP), 'Ainul Fadhilah Samsudi dan Setiausaha Bahagian bagi Bahagian Kerajaan Tempatan Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri, Nur 'Aisyah Md. Norodin.

Kon Yeow dalam pada itu berharap penganjuran tersebut akan mencapai sasaran untuk menarik semua lapisan masyarakat terutamanya warga emas dalam menyahut perubahan ekosistem ekonomi transaksi tanpa tunai.

"Kesemua aktiviti yang dijalankan ini menggalakkan penglibatan semua lapisan masyarakat khususnya penduduk PAKR Padang Tembak supaya mereka dapat mengamalkan gaya hidup digital yang mudah dan cepat.

"Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengumumkan bahawa semua jenis penerimaan bayaran di LPNPP diwajibkan pemakaian bayaran tanpa tunai seperti *mod FPX*, kod QR dan *Self Service Terminal* (kad debit/kredit) di kaunter-kaunter perumahan bermula 1 September 2022.

"Bayaran tanpa tunai ini termasuk bayaran sewa dan selenggara di PAKR, deposit untuk unit sewa beli, bayaran daripada badan pengurusan bagi permohonan bantuan Tabung Penyelenggaraan Maksimum 80 Peratus Pulau Pinang (TPM80PP) dan lain-lain," jelasnya merangkap Exco Pembangunan Tanah & Ekonomi dan Komunikasi.

**SEBAHAGIAN pengunjung mencuba perkhidmatan yang disediakan bersempena penganjuran Karnival Go Cashless PAKR di sini baru-baru ini.**



# Kerja-kerja tanah RTB Sungai Pinang mula Januari 2023



KETUA Menteri bersama-sama Ong Ah Teong (dua dari kiri), R.S.N. Rayer (dua dari kanan), Rosli Halim (kiri sekali) dan Ir. Muhammad Zamri Uzni (kanan sekali) meneliti pelan projek tebatan banjir Solok Van Praagh pada sesi lawatan khas di sini baru-baru ini.

**DATUK KERAMAT -** Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow menyambut baik rancangan Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) Persekutuan yang mahu memulakan kerja-kerja tanah bagi projek Skim 3 Rancangan Tebatan Banjir (RTB) Sungai Pinang dengan peruntukan sebanyak RM150 juta pada Januari 2023.

Beliau yang juga Exco Pembangunan Tanah & Ekonomi dan Komunikasi berkata bahawa pentadbirannya berharap projek Persekutuan itu tidak lagi tertangguh demi meningkatkan kualiti hidup rakyat terutama sekitar daerah Timur Laut dan bandaraya George Town.

"RTB Sungai Pinang adalah suatu projek yang kita ikuti (tahap perkembangan) sejak awal tahun 2000, sebab pada waktu itu Pakej 1 dan Pakej 2 projek telah disempurnakan, tetapi, Pakej 3 (RTB Sungai Pinang) hingga kini belum mula (kerja-kerja tanah) secara fizikal.

"Namun begitu, kerja-kerja lain dari segi reka bentuk telah dimuktamadkan, dan peruntukan (RM150 juta) sudah diperoleh, maka saya menyambut baik segala usaha oleh JPS Persekutuan bersama-sama JPS Negeri dan Kerajaan Negeri.

"Pengumuman bahawa kerja-kerja (tanah) boleh dimulakan pada bulan Januari 2023 adalah suatu berita yang kita nanti-nantikan (selama ini).

"Kita (Kerajaan Negeri) akan bersama-sama JPS Persekutuan dan JPS Negeri untuk memastikan projek (Pakej 3 RTB Sungai Pinang) ini berjalan lancar," jelasnya kepada pemberita selepas melawat jajaran Sungai Pinang dekat Masjid Acheh Kebun Lama di sini pada 30 Ogos 2022.

Exco Perumahan, Kerajaan Tempatan dan Perancangan Bandar & Desa, Jagdeep Singh Deo yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Datuk Keramat; ADUN Batu Lancang, Ong Ah Teong; Ahli Parlimen Jelutong, R.S.N. Rayer dan wakil-wakil JPS Persekutuan dan Negeri turut sertai Kon Yeow dalam Siri Jelajah ❤PENANG Ke Parlimen Jelutong berkaitan.

Menurut Kon Yeow lagi, sejak tahun 2017 peruntukan khas sebanyak RM150 juta telah diluluskan bagi pelaksanaan lapan projek tebatan banjir berimpak tinggi di Pulau Pinang yang meliputi bahagian Seberang Perai dan bahagian pulau.

"Lima daripada projek berkenaan telah siap sepenuhnya dan sedang berfungsi dengan baik, manakala (baki) tiga projek lagi sedang giat berjalan di tapak.

"Projek-projek yang siap telah menampakkan impak positif yang mana tiada lagi kejadian banjir berlaku di kawasan terbabit sehingga kini," ujarnya yang juga bekas Exco Kerajaan Tempatan, Pengurusan Lalulintas dan Tebatan Banjir.

Di samping itu, Kon Yeow memberitahu bahawa sejak tahun 2018 juga pentadbirannya melalui pihak berkuasa tempatan (PBT) dan JPS Daerah Timur Laut turut melaksanakan beberapa lagi projek tebatan banjir berskala kecil dan sederhana di sekitar Lembangan Sungai Pinang, dengan kos sejumlah RM8 juta.

Bercakap pada sidang media sama, Jagdeep memberitahu bahawa beliau berharap projek Persekutuan itu tidak lagi tertangguh setelah perancangan untuk kerja-kerja tanah dimulakan pada bulan Januari 2023.

"Projek (Pakej 3 RTB Sungai Pinang) ini tidak boleh tergendala lagi, saya hendak lihat kerja-kerja secara fizikal kerana ini projek persekutuan," tegasnya.

Sebelum itu, jerayawara Ketua Menteri turut melawat tapak projek RTB Solok Van Praagh yang kini telah mencapai enam peratus siap dengan tujuan mengurangkan impak banjir kepada 70 hingga 80 buah rumah di kawasan sekitar.

Beliau memberitahu bahawa status projek tersebut mendahului dua peratus daripada jadual pemajuan asal.

"Atas permintaan ADUN Batu Lancang, Ong Ah Teong dan Ahli Parlimen Jelutong, R.S.N. Rayer, Kerajaan Negeri telah meluluskan peruntukan RM5.7 juta kepada JPS Pulau Pinang melaksanakan projek ini yang sudah bermula pada 1 Jun (2022) dan akan mengambil masa 24 bulan untuk disiapkan.

"Projek ini adalah melibatkan pembinaan kolam takungan bawah tanah berkedalaman 2.6 meter supaya air hujan dari longkang yang tidak dapat keluar dengan cepat dapat masuk ke kolam tadahan ini.

"Difahamkan, kolam yang berisipadu 5,175 meter kiub ini, kalau diikutkan oleh jurutera adalah bersamaan dengan dua kolam renang bersaiz olimpik," jelasnya.

Pegawai Daerah bagi Daerah Timur Laut, Rosli Halim dan Jurutera Daerah bagi JPS Timur Laut, Ir. Muhammad Zamri Uzni merupakan antara pemimpin Kerajaan Negeri yang menyertai jerayawara Ketua Menteri di sini.

Dalam perkembangan berkaitan, Kon Yeow turut menyatakan harapan bahawa tapak kolam takungan tersebut dapat dibangunkan semula sebagai gelanggang bola keranjang, apabila siap kelak.

## Naik taraf Jalan P. Ramlee RM5 juta harap kurang impak banjir

**DATUK KERAMAT -** Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow berharap projek menaik taraf Jalan P. Ramlee dengan meninggikan jalan raya serta saliran kawasan tersebut dapat mengurangkan impak banjir di kawasan setempat.

"Ini merupakan sebuah projek berskala sederhana yang dilaksanakan di Jalan P. Ramlee serta laluan-laluan berdekatan dengan meninggikan aras jalan dan menaik taraf sistem saliran yang mana termasuk pembinaan dua rumah pam untuk mengepam air keluar dari takungan parit-parit baru dibina.

"Setiausaha Bandaraya bagi Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP), Dato' Ir. A. Rajendran memaklumkan bahawa setakat ini RM5 juta telah diperuntukkan untuk menyempurnakan projek ini," ujarnya pada sesi lawatan ke tapak projek tersebut bersempena Siri Jelajah ❤PENANG ke Parlimen Jelutong di sini 30 Ogos lalu.



RUPA bentuk Jalan P. Ramlee yang telah siap dinaik taraf iaitu dengan meninggikan jalan raya serta saliran kawasan tersebut.

Hadir sama, Exco Perumahan, Kerajaan Tempatan dan Perancangan Bandar & Desa, Jagdeep Singh Deo merangkap Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Datuk Keramat; Ahli Parlimen Jelutong, R.S.N. Rayer dan Pegawai Daerah bagi Daerah Timur Laut, Rosli Halim.

Mengulas lanjut, Kon Yeow memberitahu bahawa terdapat sebahagian lagi daripada projek berkaitan masih berjalan di persimpangan Jalan Terengganu yang dijangka siap pada Disember ini.

"Tetapi sebelum ini saya pernah nyatakan, selagi Rancangan Tebatan Banjir (RTB) Sungai Pinang tidak dijalankan atau disiapkan, maka dalam keadaan tertentu (hujan lebat luar biasa) projek-projek sederhana seperti ini pun tidak mampu menyelesaikan masalah banjir kilat.

"Ini kerana sistem-sistem perparitan di sini semuanya mengalir masuk ke Sungai Jelutong dan Sungai Pinang dalam satu lembangan yang sama.

"Bermula dari bulatan Jalan P. Ramlee ke Jalan Terengganu hingga ke persimpangan Jalan Perak boleh disifatkan sebagai kawasan hitam, dan diharapkan projek ini akan menyelesaikan masalah banjir sekitar taman dan kampung berhampiran," jelasnya yang juga Exco Pembangunan Tanah & Ekonomi dan Komunikasi.

Kon Yeow dalam pada itu sempat mengimbau kembali tragedi banjir besar tahun 2017 yang menyebabkan paras air naik setinggi dua tingkat di rumah pangsa berhampiran.

# Projek tebatan banjir Jalan Van Praagh RM5.7 juta jangka siap 2014

Oleh : **ZAINULFAQAR YAACOB**
Gambar : **EXCO**

**BATU LANCANG -** Kerajaan Negeri mengumumkan pelaksanaan projek tebatan banjir Sungai Jelutong di Jalan Van Praagh dengan kos RM5,718,000.

Mengulas lanjut, Exco Infrastruktur dan PPengangkutan, Zairil Khir Johari memberitahu bahawa projek tersebut dijangka siap pada pertengahan tahun 2014.

"Selepas projek ini disiapkan ia dijangka dapat mengurangkan risiko banjir di Solok Van Praagh, Persimpangan Jalan Van Praagh, Jalan Sir Ibrahim, Lengkok Hijau dan Lintang Slim," jelasnya seusai lawatan tapak di sini pada 28 Ogos 2022.

Hadir sama, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Batu Lancang, Ong Ah Teong; Jurutera Daerah Timur Laut, Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS), Ir. Muhammad Zamri; wakil Jabatan Kejuruteraan bagi Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) dan kontraktor terbabit.

Membuat perincian lanjut, Zairil yang juga ADUN Tanjong Bunga memberitahu bahawa projek tebatan banjir tersebut merangkumi pembinaan kolam takungan bawah tanah yang mampu menampung kapasisti air hujan sebanyak 5,175 meter padu atau "menyamai" dua kolam renang bersaiz Olimpik.

Di samping itu, Zairil memberitahu bahawa projek tebatan banjir tersebut turut merangkumi pembinaan dua parit lencongan bersaiz 1.5 meter (m) x 0.75m, rumah pam '*submersible*' dengan kapasiti 2.0 meter padu sesaat, '*outlet channel*' ke Sungai Jelutong bersaiz 1.5m x 0.75 serta dua pintu air *(flap gate)*.

Terdahulu, Kerajaan Negeri meluluskan RM750,000 peruntukan daripada dana caruman saliran untuk kerja-kerja menaik taraf projek tebatan banjir Sungai Jelutong di Solok Sungai Praagh.

Zairil dilaporkan berkata bahawa projek tersebut merangkumi kolam takungan berkapasiti 1316.10 meter padu dan pembinaan (tembok banjir) setinggi 1m sepanjang 100m di Sungai Jelutong, dengan anggaran kos sebanyak RM350,909.32.



**ZAIRIL Khir Johari (dua dari kiri), Ong Ah Teong (kanan sekali) bersama-sama wakil terlibat meneliti pelan pelaksanaan projek tebatan banjir Sungai Jelutong di Jalan Van Praagh bersempena lawatan serta sidang media dekat sini baru-baru ini.**



# Projek tebatan banjir Taman Bunga Raya jangka siap awal tahun depan

**SUNGAI PUYU -** Projek tebatan banjir Taman Bunga Raya fasa 1 dekat sini yang menelan kos RM1.17 juta kini mencapai kemajuan pada tahap 60 peratus dan dijangka siap awal tahun depan.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow berkata bahawa pelaksanaan projek tersebut dapat membantu mengurangkan isu banjir kilat dan memberi manfaat kepada kira-kira 250 kediaman di kawasan berkaitan serta kawasan sekitar.

"Komponen projek ini adalah melibatkan penaiktarafan parit sedia ada iaitu daripada 300 milimeter (mm) x 300mm kepada 600mm x 600mm di sepanjang 350 meter (m) membabitkan empat lorong Taman Bunga Raya 2.

"Selain itu, ia juga akan melibatkan kerja-kerja pemasangan *'box culvert'* bersaiz 1200mm x 1200mm sepanjang 100m di Jalan Bunga Raya 2 serta pembinaan kolam takungan berkapasiti 800 meter padu dan rumah pam baharu bersebelahan parit monsun sedia ada.

"Pelaksanaan projek ini akan memakan masa selama 12 bulan iaitu mulai Januari 2022 dan dijangka siap pada Januari tahun depan," katanya pada sidang media selepas lawatan ke tapak projek berkaitan sempena Siri Jelajah ❤PENANG ke Parlimen Bagan di sini 2 September lalu.

Turut serta, Exco Infrastruktur dan Pengangkutan, Zairil Khir Johari; Exco Alam Sekitar dan Kebajikan yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Sungai Puyu, Phee Boon Poh; Exco Belia dan Sukan merangkap ADUN Bagan Jermal, Soon Lip Chee; Ahli Parlimen Bagan, Lim Guan Eng; Datuk Bandar Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP), Dato' Azhar Arshad; Ahli-Ahli Majlis bagi MBSP serta Pegawai Daerah Seberang Perai Utara, Zulkifli Rashid.

Tambah Kon Yeow, Kerajaan Negeri dalam Mesyuarat Exco Tebatan Banjir pada 22 Ogos lalu juga telah meluluskan peruntukan bagi pelaksanaan fasa 2 projek berkaitan membabitkan kos RM3 juta.

"MBSP sebagai pelaksana projek akan membuka tender bagi pelaksanaan fasa 2 yang dijadualkan pada Mac tahun depan selepas semua kerja-kerja teknikal siap dilaksanakan.

"Pelaksanaan fasa 2 projek ini mungkin mengambil masa agak lama kerana ia membabitkan agensi-agensi lain yang mana pembinaan parit pintasan dicadang akan memasuki Lebuhraya Lingkaran Luar Butterworth (LLB) selain turut melibatkan Lembaga Lebuhraya Malaysia (LLM) serta Jabatan Kerja Raya (JKR).

"Jadi, kita berharap dengan adanya projek-projek ini ia akan dapat menangani masalah banjir di kawasan Taman Bunga Raya dan kawasan sekitar secara lebih berkesan," katanya yang juga Exco Pembangunan Tanah & Ekonomi dan Komunikasi.

Mengulas lanjut, Kon Yeow yang merupakan ADUN Padang Kota merangkap Ahli Parlimen Tanjong menyatakan bahawa sebanyak lima daripada lapan projek rancangan tebatan banjir (RTB) berimpak tinggi yang diluluskan oleh Kerajaan Negeri semasa beliau menjawat jawatan Exco Tebatan Banjir kini telah siap.

"Dua projek masih dalam pelaksanaan manakala satu lagi dalam proses tender semula.

"Saya mendapati bahawa penambahbaikan dalam menangani isu banjir kilat telah mendapat maklum balas positif daripada wakil rakyat kerana ia dapat mengurangkan impak terhadap komuniti setempat," ujarnya.

Sementara itu, Zairil memberitahu bahawa sehingga kini Kerajaan Negeri telah membelanjakan lebih RM200 juta bagi melaksanakan projek-projek RTB di seluruh negeri ini.

Menurut beliau, jumlah itu termasuk RM150 juta bagi pelaksanaan lapan projek tebatan banjir berimpak tinggi yang telah bermula sejak 2014, dan RM56 juta daripada caruman perparitan yang diluluskan bagi projek berskala kecil di seluruh negeri.

"Selain peruntukan Kerajaan Negeri, kita juga menerima peruntukan RTB daripada Kerajaan Pusat berjumlah RM200 juta iaitu semasa Ahli Parlimen Bagan menjawat jawatan Menteri Kewangan.

"Malangnya, sejak kerajaan Pusat bertukar, hanya satu sahaja projek tebatan banjir Persekutuan diluluskan untuk negeri Pulau Pinang iaitu di kawasan Seberang Jaya.

"Selain itu, semua projek yang diluluskan sebelum ini adalah semasa pentadbiran Pakatan Harapan termasuk projek yang dinanti-nantikan oleh rakyat di negeri ini iaitu RTB Sungai Pinang yang kini dalam proses tender.

"Usaha-usaha ini menunjukkan bahawa Kerajaan Negeri begitu komited untuk menangani isu banjir yang merupakan masalah paling kritikal yang dialami oleh penduduk di negeri ini," ulasnya.

Sehubungan itu, Guan Eng turut menggesa Kerajaan Persekutuan supaya menyalurkan lebih banyak peruntukan kepada negeri Pulau Pinang dalam Rancangan Malaysia Ke-12 (RMKe-12) bagi menangani isu banjir di negeri ini.

"Kita ucapkan terima kasih kepada Kerajaan Negeri kerana meluluskan peruntukan bagi projek tebatan banjir tetapi kita juga mahu Kerajaan Persekutuan memainkan peranan mereka kerana Pulau Pinang menyumbang hampir RM7 bilion kepada negara pada setiap tahun," tegasnya.

# Komited tingkat infrastruktur sukan demi manfaat rakyat

Oleh : **SUNARTI YUSOFF**
Gambar : **ADLEENA RAHAYU AHMAD RADZI & MUHAMAD AMIR IRSYAD OMAR**

**BAGAN JERMAL -** Kerja-kerja menaik taraf gelanggang sepak takraw berhampiran rumah pangsa dekat Jalan Mohd. Saad di sini telah siap sepenuhnya.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow berkata bahawa projek menaik taraf gelanggang sepak takraw tersebut adalah melibatkan kos RM42,000 yang dibiayai sepenuhnya oleh Kerajaan Negeri demi meningkatkan lagi infrastruktur sukan di negeri ini.

"Projek menaik taraf ini bermula pada 21 Mac dan berakhir pada 16 Mei lalu dengan melibatkan kerja-kerja seperti pemasangan pagar berjaring serta panel solar," katanya kepada Buletin Mutiara selepas meninjau kemudahan itu sempena Jelajah ❤PENANG ke Parlimen Bagan di sini 2 September lalu.

Dalam lawatan tersebut, Kon Yeow turut meluangkan masa bermain sepak takraw bersama-sama beberapa pemuda sebelum bergerak meninjau projek menaik taraf sistem perparitan berhampiran Pangsapuri Taman Mas di sini.

Menurut beliau, sistem perparitan tersebut akan dinaik taraf kepada struktur konkrit yang dianggarkan sepanjang 150 meter.

"Diharapkan dengan siapnya projek sistem perparitan ini, ia akan menyelesaikan beberapa isu hakisan di kawasan sekitarnya," ujarnya.

Terdahulu, Kon Yeow dan delegasi menyertai tarian zumba bersama kira-kira 200 penduduk di taman rekreasi dekat Taman Riang yang merupakan antara lokasi riadah terawal di negeri ini dilengkapi dengan kamera litar tertutup (CCTV).

"Ini kerana kita mahu penduduk di sini berasa selamat menjalankan aktiviti sihat seperti berjoging, dan kita (Kerajaan Negeri) akan terus memantau kawasan ini.

"Beberapa kerja menaik taraf seperti pembinaan trek joging, pemasangan peralatan senaman dan 16 lampu LED juga telah dilaksanakan di taman rekreasi ini bagi memastikan keselamatan penduduk di sini," katanya.

Turut serta dalam siri jelajah tersebut ialah Exco Belia dan Sukan yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Bagan Jermal, Soon Lip Chee; ADUN Bagan Dalam, M. Satees serta Ahli Parlimen Bagan, Lim Guan Eng.




**KETUA Menteri, barisan kepimpinan Kerajaan Negeri dan wakil-wakil jemputan merakam gambar kenangan seusai lawatan ke gelanggang sepak takraw berhampiran rumah pangsa dekat Jalan Mohd. Saad bersempena Siri Jelajah ❤PENANG ke Parlimen Bagan di sini baru-baru ini.**



**AKSI anak muda bermain sepak takraw di gelanggang baharu yang siap dibina melalui peruntukan Kerajaan Negeri.**

SUATU ketika dahulu, tular mengenai kedai makan yang menjual aneka lauk pauk, nasi briyani dan pelbagai jenis minuman hanya pada harga 10 sen.

Tidak cuma itu, pelanggan juga tidak putus-putus berkunjung ke kedai dikenali sebagai Ba'en Cafe yang terletak di Balik Pulau dek keistimewaannya yang menjual dengan harga murah serta sifat pemilik yang murah hati dengan sering bersedekah.

Wartawan Buletin Mutiara, **NUR ASHIKIN ISMAIL** bersama-sama jurugambar, **ADLEENA RAHAYU AHMAD RADZI** berkesempatan menemui pemilik Ba'en Cafe iaitu **IBRAHIM ABDUL RAHIM**, 40, yang sudi berkongsi kisahnya.

Lebih mesra disapa ‘Ba'en’, beliau hanya berniaga air bungkus di tepi jalan dekat Teluk Bahang hampir dua tahun selepas Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) akibat pandemik.




**IBRAHIM Abdul Rahim atau Ba’en bersama-sama isteri menunjukkan bungkusan air minuman jualannya dan beberapa liputan media berhubung perniagaan beliau.**

# Gagal sekali, Ba'en bangkit berniaga 'AYAQ GAJAH'

Disebabkan PKP, perniagaannya jatuh merudum dan tidak boleh diselamatkan lagi lalu Ba'en membuat keputusan untuk menutup terus kedai makanannya itu.

"Saya memulakan perniagaan tanpa ada pengetahuan dan pengalaman yang cukup, itu merupakan punca utama kegagalan saya dalam berniaga.

"Sungguhpun begitu, saya tetap menerima ujian ini dan menganggap ada hikmah di sebalik setiap kejadian itu, saya cuma perlu usaha lebih lagi dan tidak berputus asa," luahnya sambil menjadikan cabaran lalu sebagai pembakar semangat dan dorongan untuk lebih maju.

Perjalanan Ba’en tidak terhenti di Balik Pulau, bahkan beliau memulakan perniagaan baru di kawasan Teluk Bahang iaitu menjual air bungkusan dalam pek besar dikenali sebagai 'Ayaq Gajah' dengan harga yang sangat berpatutan.

"Dek sekitar Balik Pulau 'ayaq gajah' ini tidak mendapat sambutan, saya beralih ke kawasan Teluk Bahang iaitu berdekatan rumah keluarga mentua saya dan hanya menjual dalam kereta Perodua Myvi kami.

"Pada ketika itu, kami tidak mempunyai modal yang mencukupi dan terpaksa menjual dalam kereta, barang-barang seperti tong ais dan bancuhan semua diletakkan di dalam kereta," ujarnya semasa menceritakan detik awal berniaga 'ayaq gajah'.

Tulang belakang Ba'en sejak awal berniaga iaitu isteri tercinta, **NURUL AIN MUSTAFA** yang dahulunya seorang guru, turut serta membantu suaminya menjalankan perniagaan.

"Apa yang telah saya belajar melalui pengalaman berniaga dulu, saya tidak boleh mengambil pekerja asing untuk membantu di kedai, sebaliknya saya hanya mengupah isteri sendiri kerana lebih mudah begitu.

"Pekerja saya dahulu terlalu banyak menimbulkan masalah sehinggakan ingin bersaing berniaga, disebabkan itulah saya tidak mahu ambil risiko percayai orang luar," kongsinya hampir kerugian RM20,000 kerana pekerjanya dahulu.

Ba'en turut berkongsi bahawa air yang dijual terdiri daripada dua saiz iaitu biasa dan 'gajah', manakala perisa yang sering menjadi kegemaran pelanggan ialah 'blackcurrant susu', 'sunquick susu', jagung dan sudah tentu teh tarik.

Ditanya mengenai impian menambah cawangan, Ba'en berasa serik dan khuatir untuk mengambil risiko lagi, bahkan merasakan lebih selesa berniaga seperti sekarang.

"Dahulu semasa meniaga nasi, saya tidak mendapat sebarang pulangan yang kukuh, tetapi sekarang alhamdulilah walaupun berniaga air bungkus sahaja saya mampu untuk ada aset sendiri.

"Bukan itu sahaja, modal pulangan juga lebih banyak berbanding perniagaan dahulu serta boleh menyediakan wang simpanan," ceritanya yang sedikit terkilan dan kesal kerana telah membuang masa dan kerugian selama 15 tahun berniaga.

## Keluarkan produk minuman

Setiap peniaga pasti mempunyai visinya tersendiri untuk memperkenalkan produknya kepada orang ramai, begitu juga dengan Ba'en yang ingin mengeluarkan produknya sendiri.

"Saya dan isteri menyimpan angan-angan untuk membuat produk minuman dengan jenama sendiri kerana sambutan yang begitu meriah di sini.

"Walaupun sekarang hanya berniaga air di tepi jalan, saya mahu mencipta jenama yang berkelas dan terkenal di serata negeri insya-Allah, kerana saya tahu pelanggan di sekitar sini tidak gemar benda-benda viral seperti saya lakukan dulu, jadi saya akan berniaga seperti biasa sahaja," ulasnya yang juga turut berkongsi ilmu dengan peniaga lain melalui platform *Facebook*.




**PREMIS jualan 'Ayaq Gajah' di Teluk Bahang, Balik Pulau.**

# 10 tahun penubuhan, PWDC terus komited

**PULAU PINANG** boleh dikatakan antara negeri terawal yang mewujudkan entiti khusus sebagai strategi memperkasa golongan wanita melalui penubuhan Perbadanan Pembangunan Wanita Pulau Pinang (PWDC) pada tahun 2012.

Kini, menginjak tahun ke-10 penubuhannya, PWDC dilihat terus mengorak langkah secara lebih agresif dalam usaha memberdayakan lagi golongan tersebut dan seterusnya mencapai kesaksamaan gender sebagaimana yang dihasratkan oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang.

Ikuti temu bual khas wartawan Buletin Mutiara, **SUNARTI YUSOFF** dan jurugambar, **AHMAD ADIL MUHAMAD** bersama-sama Ketua Pegawai Eksekutif PWDC, **ONG BEE LENG** sempena 10 tahun penubuhannya pada tahun ini.

Memulakan bicara, Bee Leng berkata perintis penubuhan PWDC adalah lanjutan daripada pelaksanaan Bajet Responsif dan Penyertaan Gender (GRPB) di Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) dan Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP).

"Melalui dasar ini, kedua-dua pihak berkuasa tempatan (PBT) berkaitan perlu mengambil kira keperluan golongan wanita dan lelaki dalam merangka bajet tahunan mereka," ujarnya.

Tambah beliau, PWDC bermula dengan pertubuhan bukan kerajaan (NGO) yang dikenali sebagai 3G dan kemudiannya dibentuk menjadi sebuah entiti dalam Kerajaan Negeri di bawah Perbadanan Ketua Menteri (CMI).

"Langkah ini adalah bagi membolehkan polisi-polisi berkaitan wanita dilaksanakan secara lebih berkesan kerana sudah wujud satu entiti yang kukuh dengan pemusatan kuasa yang jelas," katanya.

## Penginstitusian

Bee Leng memberitahu bahawa PWDC menetapkan tiga asas utama dalam menggerakkan enjin bagi memperkasakan wanita khususnya di negeri Pulau Pinang.

Bagi tujuan itu menurut beliau, Pulau Pinang telah melakukan perubahan besar dengan menubuhkan Dasar Keterangkuman Gender yang menjadi rujukan dalam setiap polisi dan garis panduan yang diwujudkan.

"Pulau Pinang merupakan satu-satunya negeri yang mempunyai dasar Keterangkuman Gender dan Dasar Keluarga Selamat yang dipertanggungjawabkan kepada PWDC sebagai agensi pelaksana.

"Sejak itu, kami mempunyai bidang kuasa untuk bekerjasama dengan semua agensi kerajaan dan pertubuhan bukan kerajaan (NGO) untuk melaksanakan kedua-dua dasar yang dirangka oleh Kerajaan Negeri tersebut," ujarnya.





**Bersama-sama pasukan PWDC yang menjadi tulang belakang dalam pelaksanaan sesuatu dasar.**

Mengulas lanjut, Bee Leng memberitahu bahawa Kerajaan Negeri Pulau Pinang bertindak mewujudkan pelbagai platform dalam usaha memperkasakan lagi golongan wanita di negeri ini termasuk Jawatankuasa Pembangunan Wanita dan Keluarga (JPWK) pada tahun 2019.

"JPWK yang ditubuhkan di 40 Kawasan Dewan Undangan Negeri (KADUN) sebagai struktur dan mekanisme untuk memperkasakan lagi wanita dalam kepimpinan dengan mengguna pakai model Majlis Pengurusan Komuniti Kampung (MPKK) yang kini mempunyai 375 anggota.

"Walau bagaimanapun, JPWK sedikit berbeza kerana dibarisi oleh 600 pemimpin pada peringkat akar umbi dengan satu JPWK perlu mempunyai 15 ahli jawatankuasa bagi mengendalikan pelbagai projek dan program.

"Oleh itu, kita (Kerajaan Negeri) telah tetapkan Indeks Pencapaian Utama (KPI) bagi setiap JPWK iaitu mereka perlu mengadakan sekurang-kurangnya 10 program setiap tahun," katanya sambil menambah bahawa kira-kira 400 program telah diadakan oleh 40 JPWK dalam tempoh yang sama.

## Menyediakan platform

Tambah Bee Leng, potensi golongan wanita untuk berjaya khususnya dalam bidang ekonomi dan politik amat tinggi sekiranya diberikan ruang serta platform yang sesuai untuk mengetengahkan bakat mereka.

Oleh hal demikian katanya, Kerajaan Negeri Pulau Pinang menyediakan platform Sidang Wanita yang dianjurkan sejak tahun 2019 untuk menggalakkan golongan wanita terlibat dalam dunia politik.

"Melalui inisiatif ini, kita hendak golongan wanita faham bahawa mereka juga boleh terlibat dalam poilitik dan menjadi wakil rakyat.

"Walaupun program ini hanya platform dan tidak menjanjikan seseorang menjadi ahli politik tetapi para peserta sekurang-kurangnya mempunyai pengetahuan tentang politik seperti struktur Kerajaan Persekutuan, negeri dan penggubalan polisi-polisi.

"Hasil daripada program ini terdapat peserta kini mengorak langkah dalam bidang politik dengan menjadi Ahli Majlis bagi pihak berkuasa tempatan (PBT) dan ada juga yang mula menyertai parti politik," ulasnya lanjut.

Dari segi ekonomi pula kata Bee Leng, PWDC mewujudkan Program Mentor Usahawan Wanita Pulau Pinang (PWEMP) bagi membantu usahawan dan Wanita Jana Rezeki yang memfokuskan golongan berpendapatan rendah (B40).

"Kedua-dua program ini diwujudkan untuk memperkasakan wanita bukan melalui bantuan kewangan dan peralatan semata-mata tetapi sebaliknya kita mahu memberikan mereka ilmu serta latihan untuk mereka menjana pendapatan.

"Malah, kedua-dua program ini juga sentiasa ditambah baik dari semasa ke semasa agar peserta yang mengambil bahagian mampu maningkatkan pendapatan mereka sebanyak 30 peratus.

"Lebih penting lagi adalah program ini bukan sahaja melatih para peserta menjadi usahawan malah turut membantu mereka membina rangkaian yang lebih luas," jelasnya.



**ONG Bee Leng menunjukkan trofi *'Geospatial World Award'* yang dimenangi pada Mei lalu.**

## Kolaborasi bersama-sama NGO

Bee Leng menegaskan bahawa untuk menjayakan sesuatu agenda, Kerajaan Negeri Pulau pinang amat memerlukan kerjasama yang jitu daripada semua pihak khususnya NGO.

"Kami sangat bertuah kerana apa yang kita (PWDC) buat seperti Dasar Keluarga Selamat adalah selari dengan matlamat NGO-NGO di negeri ini.

"Contohnya kita ada NGO, *Women's Centre for Change* (WCC) dan pertubuhan sukarelawan *Buddhist Tzu Chi Merits Society* (Tzu Chi) yang sangat menyokong dasar yang dibawa oleh Kerajaan Negeri terutamanya agenda melibatkan wanita serta kanak-kanak," ujarnya.

## Anjakan minda

Selain itu kata Bee Leng, Kerajaan Negeri juga amat menitikberatkan anjakan minda masyarakat terhadap hak-hak golongan wanita melalui penganjuran pelbagai kempen termasuklah *Penang Goes Orange* (PGO).

"Kempen ini dijalankan khusus untuk memberikan kesedaran kepada masyarakat mengenai keganasan terhadap wanita dan kanak-kanak.

"Melalui kempen PGO ini, kita anjurkan pelbagai program dengan menggalakkan penyertaan lelaki dan wanita untuk memberi pendedahan mengenai bagaimana untuk mengatasi jenayah rumah tangga yang banyak memangsakan golongan wanita serta kanak-kanak," ulasnya.

# perkasakan golongan WANITA



RAKAMAN gambar kenangan PGO beberapa tahun lalu.

Tambah beliau, Kerajaan Negeri juga menganjurkan Hari Wanita Sedunia pada setiap tahun bagi menghargai pencapaian serta sumbangan wanita kepada masyarakat, negeri, negara dan komuniti antarabangsa.

"Kita ada ramai tokoh-tokoh wanita yang telah mengharumkan nama negeri pada peringkat antarabangsa… contohnya anak kepada mufti Pulau Pinang, Dr. Wan Wardatul Amani Wan Salim iaitu seorang pakar satelit yang pernah berkhidmat dengan Pentadbiran Aeronautik dan Angkasa Lepas Kebangsaan Amerika (NASA).

"Sumbangan-sumbangan seperti ini yang kita mahu ketengahkan melalui penganjuran Sambutan Hari Wanita Sedunia kerana kita hendak ubah minda mereka bahawa wanita juga boleh menyumbang kepada negara dan dunia," tegasnya.

Menurut Bee Leng, Dasar Keluarga Selamat merupakan strategi paling penting bagi Kerajaan Negeri Pulau Pinang kerana kes keganasan terhadap wanita didapati meningkat secara mendadak terutamanya semasa pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dua tahun lalu.

"Selaras dengan Dasar Keluarga Selamat yang diperkenalkan Kerajaan Negeri, *'First Support Point'* adalah langkah awal dalam mewujudkan khidmat sokongan bagi menangani dan membanteras kes keganasan rumah tangga.

"Melalui dasar ini juga, PWDC bersama-sama Unit Pengurusan Maklumat Geospatial Pulau Pinang (PEGIS) telah membangunkan satu aplikasi dinamakan Aplikasi Penang Hentikan Keganasan dan telah memenangi anugerah '*Geospatial World Award*' dalam kategori Keselamatan Awam pada Mei lalu.

Ditanya mengenai harapan masa depan, Bee Leng menyatakan bahawa adalah besar harapan beliau untuk melihat jurang antara gender di negara ini khususnya di negeri Pulau Pinang dapat dirapatkan.

"Perkara ini bukan mudah tetapi boleh dijayakan dengan kerjasama pelbagai pihak.

"Paling penting adalah hak-hak wanita mesti dijaga seperti keselamatan, hak untuk dapat makanan, tempat tinggal, pendidikan, berpolitik dan sebagainya.

"Pada akhirnya, kita mahu jadikan Pulau Pinang sebagai sebuah negeri contoh dalam memperkasakan golongan wanita," katanya mengakhiri bicara.

---

# Silang Kata 'Dari Gabenor Ke TYT'

## Siri 1

### Melintang

3. Kediaman rasmi pertama Gabenor Pulau Pinang
5. Taraf jawatan Kapten Francis Light
7. Konsep reka bentuk bangunan Seri Mutiara
9. George Town diiktiraf sebagai Tapak Warisan Dunia ..........
10. Lokasi makam Allahyarham Tun Syed Sheh Abdullah Shahabudin
12. Sukan kegemaran Tun Abdul Rahman Abbas
13. Pentas khas bagi majlis-majlis istiadat
14. Nama asal kediaman rasmi Seri Mutiara

### Menegak

1. Maksud warna kuning bendera Pulau Pinang
2. Kerjaya awal Allahyarham Tun Syed Sheh Barakbah
4. Negeri asal kerabat Allahyarham YAM Raja Tun Uda
6. Tuan Yang Terutama Tun Ahmad Fuzi Abdul Razak dilantik sebagai Canselor ..........
8. Sebelum George Town, Pulau Pinang lebih dikenali sebagai Tanjung ..........
9. Bapa kepada Allahyarham Tun Hamdan Sheikh Tahir merupakan .......... terkenal
11. Tempat kelahiran Allahyarham Tun Sardon Jubir



Tarikh tutup bagi Siri 1: **31 Oktober 2022**

**Lengkapkan slogan di bawah:**

Pameran Dari Gabenor Ke TYT merupakan pameran yang ..........................................

..........................................

*(tidak melebihi 20 patah perkataan)*

PENANG 2030 ❤PENANG

BULETIN MUTIARA · PSAG PENANG STATE ART GALLERY

**Sila lengkapkan butiran berikut :**

Nama Penuh: ..........................................

No. Kad Pengenalan: ..........................................

Alamat: ..........................................

..........................................

..........................................

No. Telefon: (Bimbit) ..........................................

Emel: ..........................................

**Terma & Syarat Peraduan:**

1. Terbuka kepada semua warganegara Malaysia.
2. Lengkapkan silang kata berserta slogan paling kreatif tidak melebihi 20 patah perkataan.
3. Hanya borang penyertaan asli boleh digunakan.
